



e-ISSN: 0128-0902
ISSN 2289-9634

Available online at <https://jcis.utm.edu.my>

Journal of Contemporary Islamic Studies 11(1) 2025

Journal of
Contemporary
Islamic Studies

Proses Transformasi Bagi Pendayaupayaan Asnaf Melalui Agihan Dana Zakat Di Negeri Johor, Malaysia

(The Transformation Process For Empowering Asnaf Through Zakat Fund Distribution In The State Of Johor, Malaysia)

Muhammad Suhaimi Sulong^{1,3}, Nur Zainatul Nadra Zainol^{1,2},
Mustapahayuddin Abdul Khalim^{1*,2}, Wan Ainaa Mardhiah Wan Zahari^{1,2},
Ahmad Zaki Mohamad Malom²

¹Institut Ahli Sunnah wal Jamaah (iSWAJ), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Malaysia

²Jabatan Pengajian Islam, Pusat Pengajian Umum & Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Malaysia

³Fakulti Pendidikan Teknikal & Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 7 May 2024

Accepted 22 December 2024

Published 10 March 2025

Keywords:

asnaf
empowerment of asnaf
MAINJ
transformation process
zakat distribution

Katakunci:

agihan zakat
asnaf
MAINJ
pendayaupayaan asnaf
proses transformasi

DOI:

<https://doi.org/10.24191/jcis.v11i1.4>

ABSTRACT

The Johor Islamic Religious Council (MAINJ) is an official institution that efficiently collects and distributes zakat in the state of Johor. From a Malaysian perspective, the current situation still carries a negative perception among the community towards the zakat institution. Past studies have shown several factors that lead the community to distrust the management and administration of zakat. This perception occurs due to several issues, such as the accumulation of annual zakat surpluses that are not distributed and the prioritisation of certain categories of *asnaf* that require attention from the zakat institution. Therefore, this study examines the extent to which MAINJ has succeeded in using zakat funds and contributions to implement programs or activities to empower the *asnaf* group through a transformation process. A qualitative research methodology, utilizing interviews and document analysis, was implemented in this study. The findings indicate that the amount of zakat collection in the state of Johor from 2018 to 2023 has consistently increased, demonstrating the success of zakat collection efforts in this state. Several significant *asnaf* empowerment programs have also been implemented for *asnaf* entrepreneurs and are described in this study, in addition to outlining the zakat fund assistance scheme provided by MAINJ. The overall findings of this study have been interpreted using a

^{1*} Corresponding author. E-mail address: mustapa@uthm.edu.my
<https://doi.org/10.24191/jcis.v11i1.4>

newly introduced model, namely the IPOM Model (Input-Process-Output-Feedback). Thus, this study aims to broaden public perspectives and improve the general perception of zakat distribution efforts implemented by MAINJ, ultimately reducing negative perceptions of the zakat institution in Malaysia.

ABSTRAK

Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) merupakan institusi rasmi yang berperanan mengumpulkan dan mengagihkan zakat secara efisien di dalam negeri Johor. Dari perspektif Malaysia, situasi semasa masih wujud tanggapan negatif dalam kalangan masyarakat terhadap institusi zakat. Beberapa kajian lepas telah menunjukkan beberapa punca yang menyebabkan masyarakat kurang yakin terhadap pengurusan dan pentadbiran zakat. Tanggapan sebegini berlaku disebabkan oleh beberapa isu seperti lambakan lebihan zakat tahunan yang banyak tidak diagihkan dan isu pengutamaan kepada kategori asnaf tertentu yang perlu diberikan perhatian oleh institusi zakat. Justeru, kajian ini melihat sejauh mana MAINJ berjaya menggunakan sumber dana dan sumbangan zakat bagi melaksanakan program atau aktiviti pendayaupayaan golongan asnaf melalui satu proses transformasi. Metodologi penyelidikan jenis kualitatif melalui kaedah temu bual dan analisis dokumen telah digunakan dalam kajian ini. Hasil dapatan kajian ini mendapati peningkatan terhadap jumlah kutipan zakat di negeri Johor pada tahun 2018 hingga 2023 sentiasa bertambah jumlahnya menjadi bukti keberhasilan usaha pengutipan zakat di negeri ini. Beberapa program pendayaupayaan asnaf yang signifikan juga telah dilaksanakan kepada usahawan-usahawan asnaf dan telah dihuraikan dalam kajian ini selain mengetahui skim bantuan dana zakat yang disediakan oleh pihak MAINJ. Keseluruhan dapatan kajian ini telah dapat diterjemahkan ke satu model yang baru diperkenalkan iaitu Model IPOM (Input-Proses-Output-Maklum balas). Justeru, kajian ini dapat membuka perspektif masyarakat umum mengenai usaha pengagihan zakat yang telah dilaksanakan oleh MAINJ sekali gus mengubah persepsi negatif terhadap institusi zakat di Malaysia secara amnya.

PENDAHULUAN

Islam merupakan agama yang mengutamakan konsep kesejahteraan dan keharmonian. Kedua-dua konsep ini dapat dicapai melalui tuntutan Islam dalam ajarannya yang menyeru kepada sikap prihatin, saling membantu dan saling melindungi. Ia dapat dibuktikan melalui pensyariatan Rukun Islam yang menjadi tunjang pegangan kepada seluruh umatnya. Rukun Islam yang terdiri daripada lima perkara itu merangkumi semua aspek muamalat dalam kehidupan Muslim iaitu memelihara hubungan dengan Allah SWT dan hubungan sesama manusia. Mengeluarkan zakat adalah tuntutan Rukun Islam yang keempat dan jelas bertujuan untuk memperkasa hubungan yang baik sesama masyarakat (Arshad & Nor, 2014). Hukum zakat mempunyai dalil-dalil muktamad (القطع) dari sudut petunjuk (الدلالة) dan sabitnya. Ia menjadikan kewajipan zakat itu jelas lagi nyata dari sudut agama. Oleh itu, sesiapa yang menafikan kewajipan zakat hukumnya adalah kafir. Hal ini dapat difahami berdasarkan firman Allah SWT:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ

“Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat”

Surah al-Baqarah, 2: 43

Daripada firman ini, perintah mendirikan solat dan menunaikan zakat adalah wajib kerana perintah bagi kedua-duanya adalah dengan *sighah fi'il amar* atau suruhan. Perintah mengeluarkan zakat juga disebut berulang kali dalam Al-Quran di 23 tempat. Kewajipan ini kemudian ditegaskan lagi melalui hadis Rasulullah SAW yang bersabda kepada Mu'az R.A ketika Baginda mengutusnyanya ke Yaman:

فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوا لِذَلِكَ فَأَعْلِمْنَهُمْ أَنَّ اللَّهَ افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ خَمْسَ صَلَوَاتٍ فِي كُلِّ يَوْمٍ
وَلَيْلَةٍ فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوا لِذَلِكَ فَأَعْلِمْنَهُمْ أَنَّ اللَّهَ افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ صَدَقَةً تَتَّخِذُ مِنْ
أَغْنِيائِهِمْ فَرْقًا فِي فُقَرَائِهِمْ

“Sekiranya mereka mentaati perkara itu, khabarkanlah kepada mereka bahawa Allah mewajibkan solat ke atas mereka lima waktu sehari semalam. Sekiranya mereka mentaati perkara itu, maka khabarkanlah kepada mereka bahawa Allah mewajibkan zakat ke atas mereka yang diambil daripada orang kaya lalu diagihkan kepada golongan fakir dalam kalangan mereka.”

Riwayat Muslim: 130

Hadis ini menunjukkan agihan zakat perlu diberikan kepada golongan fakir daripada negeri yang dipungut zakat pada asalnya. Namun, para fuqaha' mengharuskan untuk dipindahkan zakat kepada negeri yang lain jika keadaan memerlukan dilakukan begitu sebagaimana pendapat Ibrahim (1999) dan Syarbasi (1995). Jika diteliti dari perspektif ekonomi, pelaksanaan zakat merupakan pemangkin pembangunan ekonomi asnaf dan negara ke arah berpendapatan tinggi (Kadri et al., 2012; Patmawati 2008). Justeru, Islam mewajibkan setiap Muslim yang memiliki harta yang cukup haul dan nisab untuk mengeluarkan zakat, yang kemudian diagihkan kepada lapan golongan asnaf sebagaimana yang disebutkan oleh Allah.

إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمَوْلَافَةَ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ
وَالْغَرَامِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْرِبِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِنَ اللَّهِ

“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah.”

Surah al-Taubah, 9: 60

Tafsiran ayat tersebut menjelaskan bahawa terdapat lapan golongan yang berhak menerima zakat. Mereka adalah golongan fakir (*al-fuqara'*), miskin (*al-masakin*), amil, muallaf yang perlu dilunakkan hatinya, hamba (*al-riqab*), orang yang berhutang (*al-gharimin*), orang yang berjuang di jalan Allah (*fi sabilillah*) dan golongan musafir yang berada dalam perjalanan (*ibn sabil*). Ayat tersebut merupakan satu arahan yang jelas dan terperinci tentang ke mana hasil zakat itu perlu diagihkan berbanding perihal

mengenai penentuan sumber kutipan zakat. Menurut Majid (2003), hal ini disebabkan oleh dorongan hawa nafsu dan penyelewengan yang berkemungkinan besar berlaku dalam urusan pengagihan zakat berbanding urusan penentuan sumber pungutan zakat. Pandangan ini menunjukkan bahawa tugas pengagihan zakat yang diamanahkan kepada institusi zakat adalah satu tanggungjawab yang berat.

Secara konseptual, zakat dibayar oleh golongan kaya dan kemudian disalurkan kepada golongan miskin melalui proses pengagihan zakat yang menyeluruh kepada lapan golongan asnaf (Yusoff, 2012). Justeru proses pemungutan dan pengagihan zakat yang optimum ini akan memberikan impak positif yang besar khususnya kepada pembangunan asnaf zakat dan secara tidak langsung akan membangunkan ekonomi sesebuah negara secara umum (Wahid et al., 2009). Melalui sistem zakat, golongan asnaf yang pada mulanya menerima zakat berpotensi keluar daripada kelompok asnaf, bahkan mungkin dapat menjadi penyumbang kepada kutipan zakat. Kitaran sistem ini jelas mempunyai kemampuan untuk membantu ekonomi umat (Patmawati, 2008). Selain itu, zakat juga berfungsi untuk membersihkan harta yang dimiliki agar tidak menjadi persoalan di hari akhirat kelak sebagaimana disebutkan dalam ayat al-Quran berikut:

حُدِّمْنَ أَمْوَالَهُمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا

“Ambilah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk).”

Surah al-Taubah, 9 :103

Berdasarkan ayat di atas, Ibn Kathir mentafsirkan bahawa Rasulullah SAW telah diperintahkan oleh Allah SWT untuk memungut zakat dari harta kekayaan mereka dan pembayaran zakat tersebut dapat mensucikan harta dan diri mereka. Kewajipan zakat ini secara langsung mendidik seorang Muslim untuk menjauhi sifat tamak dan kedekut dengan menginfakkan harta kekayaan kepada orang lain. Ibn Kathir juga turut menghuraikan perjuangan Khalifah Abu Bakar as-Siddiq dalam usaha meneruskan pemungutan zakat pada tafsiran ayat ini. Hal ini membuktikan pentingnya peranan zakat dalam membangunkan sebuah kerajaan (Ghoffar et al., 2004)

Di Malaysia, peruntukan Enakmen negeri-negeri dengan jelas menyatakan kuasa untuk memungut zakat dan zakat fitrah adalah di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Seperti dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003, Bahagian 6 berkenaan zakat dan fitrah pada fasal 86 memperuntukkan:

“Majlis hendaklah berkuasa memungut zakat dan fitrah daripada setiap orang Islam yang kena dibayar di dalam Negeri Johor mengikut Hukum Syarak bagi pihak Duli Yang Maha Mulia Sultan.”

Peruntukan ini menunjukkan pentingnya peranan MAINJ dalam mentadbir urusan kutipan dan pengagihan zakat untuk membangunkan sebuah negeri. Hal ini membawa kepada pengurusan zakat yang dapat memberikan perkhidmatan yang berkualiti dengan memaksimumkan kepuasan pelanggan melalui pendekatan profesional (Punding et al., 2024).

Walaupun terdapat pengurusan dan pentadbiran zakat yang tersusun serta diuruskan dengan baik oleh MAINJ, agensi lain atau institusi swasta (Ahmad et al., 2006), masih terdapat keperluan untuk meningkatkan kefahaman dan kesedaran masyarakat Islam terhadap kepentingan berzakat. Kurangnya kesedaran ini (Yaakub, 2023) turut disertai oleh persepsi dan tanggapan negatif terhadap institusi ini, serta kurangnya keyakinan bahawa zakat yang diberikan dapat diuruskan dengan baik dan telus. Justeru, kajian ini dilaksanakan dengan tujuan untuk menjelaskan peranan dan aktiviti pengagihan zakat oleh MAINJ dalam usaha membangunkan golongan asnaf di negeri Johor melalui program pendayaupayaan asnaf. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti aspek yang signifikan dalam proses transformasi

bagi memperkasakan golongan asnaf di negeri Johor. Kajian ini akan meneliti aspek-aspek utama dalam proses transformasi, termasuk sumber atau input yang diperuntukkan bagi meneruskan proses transformasi, aktiviti yang dirancang, serta hasil atau output yang dicapai dalam usaha memberdayakan golongan asnaf. Selain itu, kajian ini juga akan mengumpulkan maklum balas terhadap proses transformasi yang telah dijalankan.

MAJLIS AGAMA ISLAM NEGARI JOHOR SEBAGAI BADAN PENTADBIRAN ZAKAT

Menurut kebanyakan mazhab dalam perundangan Islam, penubuhan institusi bagi mentadbir kutipan dan agihan zakat bukanlah suatu kewajipan (Zayas, 2003). Sebagai contoh, Mazhab Hanafi membenarkan pembayar zakat untuk mengagihkan sendiri zakat harta bukan nyata (seperti emas dan perak) secara langsung kepada asnaf tanpa melalui pihak kerajaan sebagai perantara. Pendapat ini berdasarkan amalan pada zaman pemerintahan Khalifah Uthman bin Affan RA, yang membenarkan tindakan pembayar zakat tersebut kerana dikhuatiri kutipan zakatnya jatuh ke tangan amil yang tidak amanah. Namun demikian, bagi zakat harta nyata (seperti binatang ternakan), ia boleh dibayar kepada kerajaan kerana harta tersebut sukar untuk diselewengkan. Pendapat ini turut dipersetujui oleh Mazhab Syafie, yang berpendapat bahawa pembayar zakat diharuskan mengeluarkan dan mengagihkan semua jenis zakat (harta nyata atau bukan nyata) tanpa perlu melalui kerajaan. Sebaliknya, Mazhab Maliki pula berpendapat bahawa semua jenis zakat perlu diberikan kepada pihak kerajaan, dengan syarat kerajaan tersebut bersifat adil dan mampu menjalankan tanggungjawab tersebut dengan amanah serta efisien. Tambahan pula, pendapat ini selari dengan amalan pada zaman Rasulullah SAW, Khalifah Abu Bakar al-Siddiq RA, dan Khalifah Umar al-Khattab RA, yang menunjukkan bahawa penubuhan institusi zakat penting sebagai perantara yang mentadbir kutipan dan agihan zakat. Pendapat Mazhab Maliki ini adalah berdasarkan ayat Al-Quran dalam Surah At-Taubah, ayat 103 dan bersandarkan sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Abbas (Zayas, 2003).

Tindakan meletakkan peranan kerajaan dalam mengutip dan mengagihkan zakat, sama ada harta nyata atau bukan nyata, turut dipersetujui oleh Yusuf al-Qaradawi (Zainol et al., 2024) atas beberapa faktor. Pertama, wujud individu yang tidak mengambil peduli tentang pembayaran zakat. Jika kerajaan tidak campur tangan, maka hak zakat golongan asnaf, khususnya fakir dan miskin, berkemungkinan tidak dapat dipenuhi. Kedua, maruah golongan fakir dan miskin lebih terpelihara jika proses pengagihan zakat ditadbir oleh pihak kerajaan berbanding mereka menerima bantuan secara langsung daripada golongan kaya. Ketiga, jika zakat diagihkan secara individu, pengagihan tersebut berisiko dipengaruhi oleh kecenderungan peribadi, yang boleh menjejaskan keadilan dalam pengagihan. Keempat, asnaf selain fakir dan miskin, seperti muallaf, fi sabilillah, riqab, dan lain-lain yang berkaitan dengan kepentingan awam, hanya diketahui secara menyeluruh oleh pihak kerajaan. Sekiranya pengagihan zakat hanya diserahkan kepada individu kaya berdasarkan pengetahuan mereka yang terbatas, dikhuatiri harta zakat bagi asnaf lain akan terpinggir. Kelima, perlu diketahui bahawa zakat merupakan sumber kewangan dalam negara Islam. Oleh itu, pengurusan zakat sewajarnya dilaksanakan oleh kerajaan yang mentadbir sesebuah negara. Walau bagaimanapun, Yusuf al-Qaradawi juga menetapkan syarat bahawa kerajaan yang boleh mentadbir harta zakat mestilah sebuah kerajaan yang menjadikan Islam sebagai asas ideologi, melaksanakan perundangan Islam, dan mempunyai struktur sosial berasaskan Islam.

Di Johor, institusi yang bertanggungjawab mentadbir pengurusan zakat ialah Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ). MAINJ telah ditubuhkan pada tahun 1925 di bawah kuasa Bahagian 4, Bab 15, Lembaga Aturan Bagi Pemerintahan Raja. Fungsi awal penubuhannya adalah untuk menguruskan hal ehwal agama, memberi khidmat nasihat mengenai adat istiadat Raja, menyediakan pelajaran dan pendidikan kepada kerabat Diraja serta menguruskan kebajikan masyarakat Islam. Fungsi utama MAINJ pula adalah mengurus dan mentadbir Kumpulan Wang Zakat & Fitrah serta mengagihkannya mengikut asnaf, mengurus dan mentadbir Kumpulan Wang atau Harta Baitulmal dan mentadbir Kumpulan Wang Wakaf sebagai Pemegang Amanah Wakaf. Pada tahun 1936 pelantikan Ahli Majlis dikuatkuasakan melalui

Warta Kerajaan. Dengan itu, fungsi Majlis diperluaskan sebagai penggubal dasar agama Islam bagi negeri Johor.

Jika ditelusuri permulaan pengurusan zakat di negeri Johor, ia dikenali sebagai Naqib Az Zakat, yang ditubuhkan pada tahun 1957. Kemudian, ia diperbaharui dengan nama Jawatankuasa Zakat dan Fitrah pada tahun 1962. Jawatankuasa ini berperanan dalam mengurus kutipan dan agihan zakat di seluruh negeri Johor. Pada tahun 1978, dengan penguatkuasaan Enakmen Pentadbiran Islam 1978, pengurusan zakat negeri Johor diletakkan di bawah seliaan pentadbiran MAINJ. Sehingga kini, peranan tersebut terus beroperasi berdasarkan peruntukan dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) (2003), Bahagian VI.

Jadual 1 menunjukkan pentakrifan golongan asnaf dan jenis zakat yang sedang berkuatkuasa selaras dengan fungsi utama penubuhan MAINJ. Takrifan ini berfungsi sebagai rujukan dan panduan dalam pengagihan dana zakat bagi memastikan zakat yang disalurkan tidak terkeluar daripada golongan asnaf yang telah ditentukan.

Jadual 1: Takrif Asnaf dan Zakat

Istilah	Takrif
Fakir	Seseorang yang tidak mempunyai harta dan hasil usaha (pekerjaan) yang boleh memenuhi keperluan asas (<i>daruriat</i>) bagi dirinya dan tanggungan di bawahnya bukan keperluan tambahan (<i>hajat</i>) dan bukan keperluan kemewahan (<i>tahsiniat</i>), termasuk juga mereka yang tidak ada daya usaha dengan sebab seperti penyakit. Contoh: Seseorang yang memerlukan kepada RM 300.00 sebulan tetapi hanya memperolehi tidak sampai 50% keperluan tersebut untuk menampung keperluan asasi diri dan tanggungan di bawahnya.
Miskin	Seseorang yang mempunyai pekerjaan atau hasil usaha yang hanya memenuhi sebahagian keperluan asasi (<i>daruriat</i>) tetapi tidak mencukupi untuk dirinya dan orang di bawah tanggungannya. Contoh: Seseorang yang memerlukan kepada RM 300 sebulan tetapi hanya memperolehi sebahagian (50%) atau lebih tetapi tidak sampai memenuhi keperluan asasi sebenar bagi diri dan tanggungannya.
Amil	Individu atau institusi yang terlibat secara langsung dengan institusi zakat sama ada mengurus dan mentadbir hal ehwal pungutan, pengagihan atau yang mengawasi urusan kewangan zakat.
Mualaf	Mereka yang hatinya baru berjinak-jinak dengan agama Islam dan mendapat hidayah menganuti Islam supaya mereka merasakan adanya tempat bergantung bagi menghadapi cabaran yang mendatangi. Status mualaf ini diberikan kepada mereka yang baru memeluk agama Islam dalam tempoh 10 tahun sahaja (Malom et al., 2022)
Gharim	Golongan yang berhutang untuk memenuhi keperluan asas diri, keluarga, tanggungannya atau masyarakat dan memerlukan penyelesaian segera selaras dengan hukum Syarak.
Riqab	Mereka yang dimiliki oleh tuannya bagi membolehkan mereka membebaskan / menebus diri masing-masing.
Ibn Sabil	Orang yang terputus bekalan (perbelanjaan) semasa perjalanan (<i>safar</i>) dan orang yang hendak memulakan perjalanan yang diharuskan oleh Syarak.
Fi Sabilillah	Mereka yang berjuang, berusaha mempertahankan dan meningkatkan penghayatan syiar Islam.
Zakat Fitrah	Zakat diri yang diwajibkan ke atas setiap individu muslim lelaki dan perempuan dalam bulan Ramadhan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan. Zakat Fitrah merupakan kewajipan fardhu ain ke atas setiap orang Islam. Kewajipan yang dilaksanakan di bulan Ramadhan ini bertujuan membersihkan dan menyucikan jiwa mereka yang berpuasa daripada perkara yang sia-sia dan seterusnya bayaran fitrah tersebut dapat digunakan untuk membantu fakir dan miskin membuat persiapan menyambut Hari Raya.
Zakat Harta	Terbahagi kepada zakat pendapatan, zakat simpanan, zakat perniagaan, zakat emas dan perak, zakat pertanian, zakat ternakan serta zakat galian atau rikaz, zakat saham dan KWSP. Setiap jenis zakat yang tersenarai dibawah kategori zakat harta ini mempunyai nisabnya yang tersendiri. Oleh itu wajib ke atas setiap orang Islam yang telah mencapai nisab dan haul bagi jenis-jenis harta tersebut untuk mengeluarkan zakat.

Sumber: MAINJ (2024)

Unit Pembangunan Asnaf MAINJ

Pembangunan asnaf di Malaysia di kelola secara langsung oleh Majlis Agama Islam Negeri (Abdul-Wahab et al., 1995) dan turut dibantu oleh agensi-agensinya bukan kerajaan yang menyediakan pelbagai bentuk bantuan, sama ada dalam aspek pendidikan mahupun kewangan (Latif, 1998). Kini, sudah lebih daripada 15 tahun Unit Pembangunan Asnaf ditubuhkan oleh MAINJ, iaitu sejak tahun 1428H bersamaan Januari

2008M (Ismail & Hussain, 2017). Unit ini beroperasi di bawah pentadbiran MAINJ dengan kuasa yang diperuntukkan dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor 1978/2003 dan dipertanggungjawabkan untuk menjadi kesinambungan kepada unit agihan bagi pembangunan insan. Unit Pembangunan Asnaf ini mempunyai tiga fungsi utama iaitu:

- a) Membasmi kemiskinan dalam kalangan fakir miskin di seluruh negeri Johor.
- b) Menganjurkan kursus, latihan kemahiran, bengkel, serta program motivasi kepada penerima bantuan.
- c) Memantau perkembangan dan keupayaan penerima bantuan untuk berdikari.

Berdasarkan tiga fungsi utama ini, Unit Pembangunan Asnaf bertanggungjawab melaksanakan program-program pembangunan seperti kursus, latihan, kemahiran, bengkel, program motivasi dan program berdikari. Program-program ini dilaksanakan sepanjang tahun mengikut perancangan yang ditetapkan. Selain itu, Unit ini turut menyediakan pengisian rohani bagi golongan yang kurang berkemampuan untuk mengikuti Program Pembangunan Asnaf. Program ini bertujuan untuk membantu asnaf yang berdaftar di bawah MAINJ agar mereka dapat berdikari dan keluar daripada belenggu kemiskinan.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, yang bertujuan untuk memahami, meneroka, dan mendedahkan fenomena tertentu berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada peserta serta dokumen kajian (Silverman, 2022). Reka bentuk kajian kes digunakan dalam kajian ini, dengan tumpuan khusus kepada Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) di negeri Johor. Pendekatan ini dipilih bagi menjelaskan mengapa dan bagaimana sesuatu fenomena berlaku serta hubungan antara dua aspek dalam satu situasi (Yin, 2018). Bagi pengumpulan data, kajian ini mengaplikasikan kaedah temu bual, kajian perpustakaan, serta analisis dokumen yang berkaitan bagi memahami pelaksanaan aktiviti pengagihan zakat oleh MAINJ, khususnya program pendayaupayaan golongan asnaf di negeri Johor. Menurut Creswell dan Báez (2021), temu bual dalam penyelidikan kualitatif membolehkan pengkaji memperoleh perspektif secara individu, sekali gus menjadikannya salah satu kaedah pengumpulan data yang berkesan dalam kajian sains sosial serta popular dalam kebanyakan penyelidikan kualitatif. Selain itu, Merriam dan Tisdell (2016) menyatakan bahawa dokumen dan rekod berperanan sebagai sumber rujukan dalam bentuk bahan bertulis, bercetak, fotografi, visual, atau digital, bergantung pada kesesuaian dengan kajian yang dijalankan.

Pengumpulan data primer dalam kajian ini dilakukan melalui analisis kandungan dokumen menggunakan dua kaedah utama, iaitu artikel dalam talian dan maklumat daripada platform rasmi negeri Johor serta dokumen berkaitan yang diperoleh melalui pemberi maklumat yang dibenarkan oleh MAINJ. Data yang dikumpulkan merangkumi statistik tahunan kutipan zakat serta skim dan bentuk bantuan zakat yang disalurkan kepada golongan asnaf. Selain itu, kajian perpustakaan turut dijalankan melalui analisis kajian-kajian lepas, termasuk rujukan kepada dalil-dalil daripada Al-Quran dan Hadis bagi memperkukuh asas teori dalam kajian ini.

Selain itu, pengumpulan data sekunder dalam kajian ini turut dilaksanakan melalui kaedah temu bual terbuka dan tidak berstruktur dengan dua orang pegawai dari Unit Pembangunan Asnaf, MAINJ. Temu bual ini bertujuan untuk mengenal pasti aktiviti dan program agihan zakat yang dikendalikan oleh Jawatankuasa Zakat dan Fitrah MAINJ kepada golongan asnaf di seluruh negeri Johor. Hasil temu bual juga mendedahkan satu konsep unik yang telah dilaksanakan bagi meningkatkan pendayaupayaan asnaf di negeri tersebut.

Bagi menganalisis data dalam kajian ini, kaedah analisis deskriptif kualitatif digunakan bagi menilai kesahihan dan mutu data yang diperoleh. Menurut Creswell dan Guetterman (2024), kaedah deskriptif

bertujuan mencari penerangan serta penjelasan terperinci mengenai objek kajian secara sistematik, sekali gus membolehkan pemahaman yang lebih mendalam terhadap fenomena yang dikaji.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Statistik menunjukkan bahawa MAINJ telah mengalami peningkatan kutipan hasil zakat di seluruh negeri Johor sejak enam tahun kebelakangan ini. Peningkatan ini membuktikan bahawa tahap kesedaran masyarakat Muslim di negeri Johor terhadap kewajipan menunaikan zakat semakin tinggi. Perkembangan positif ini dapat dilihat dengan lebih jelas melalui Jadual 2, yang memperincikan data kutipan zakat mengikut tahun.

Jadual 2: Jumlah Kutipan Zakat Oleh MAINJ Dari 2018-2023

Tahun	Jumlah Kutipan (RM)
2018	285,784,094.35
2019	296,790,865.64
2020	300,082,824.71
2021	333,308,909.22
2022	367,641,308.66
2023	298,320,000.00

Sumber: MAINJ (2024)

Daripada kutipan hasil zakat yang diperoleh, pelbagai program agihan telah dirancang dan diperuntukkan bagi memperkasakan asnaf. MAINJ kini giat mempromosikan usaha agihan bantuan melalui pelbagai platform media sosial seperti Facebook, Instagram, YouTube, Telegram, dan TikTok. Penggunaan media sosial ini bukan sahaja berfungsi sebagai medium promosi, tetapi juga memperkukuhkan peranan MAINJ sebagai institusi yang bertanggungjawab dalam menyampaikan hasil kutipan zakat kepada asnaf dengan berkesan (Sulong et al., 2024). Usaha ini secara tidak langsung membina kepercayaan masyarakat serta mendorong lebih ramai pembayar zakat untuk menyalurkan zakat mereka kepada MAINJ.

Program Pendayaupayaan Asnaf

MAINJ merangka pelbagai aktiviti untuk memperkasakan asnaf seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3, selain menyediakan latihan dan kemahiran yang sesuai mengikut keperluan aktiviti yang diberikan. Antara inisiatif yang dijalankan ialah program usahawan tani di bawah Pelan Pembangunan Asnaf MAINJ. Contohnya, di Batu Pahat, seramai 10 orang usahawan asnaf saudara baru (mualaf) terlibat dalam program tanaman terung secara fertigasi di atas tanah milik MAINJ, dengan sebanyak 8,000 polybag disediakan untuk projek ini. Sementara itu, di daerah Muar, projek ternakan ikan tilapia dilaksanakan dengan penyertaan lima usahawan asnaf yang mendapat bimbingan daripada mentor yang dilantik. Setiap peserta menerima satu lot kolam kanvas dan 500 benih ikan, dengan peruntukan keseluruhan bernilai RM25,000.00. Dalam sektor industri makanan pula, MAINJ menyumbangkan peralatan seperti Mixer dan Oven kepada usahawan asnaf yang menjalankan perniagaan kek dan pizza di Batu Pahat, membantu mereka memperkembangkan perniagaan secara lebih berdaya saing.

Jadual 3: Aktiviti Proses Transformasi Pendayaupayaan Asnaf

Bil.	Aktiviti	Jumlah Asnaf	Daerah	Pemberian Bantuan
1.	Program Tanaman Terung Secara Fertigasi	10 usahawan	Batu Pahat	<ul style="list-style-type: none"> 8,000 polybeg Tanah milik MAINJ
2.	Projek Ternakan Ikan Tilapia	5 usahawan	Muar	<ul style="list-style-type: none"> 10 kolam kanvas 500 benih anak ikan
3.	Projek Perusahaan Kek dan Pizza	1 usahawan	Batu Pahat	<ul style="list-style-type: none"> 1 unit mixer 1 unit Oven

4.	Program Dapur Asnaf	20 keluarga	Pontian	• Pembekalan sumber makanan bersih dan sihat
5.		37 keluarga	Kluang	

Sumber: MAINJ (2024)

Selain itu, MAINJ turut melaksanakan program Dapur Asnaf di seluruh negeri Johor sebagai usaha membantu asnaf memperoleh barangan keperluan harian yang mencukupi. Berdasarkan paparan di Facebook rasmi MAINJ, program ini dilaksanakan di pelbagai daerah, termasuk kawasan terpencil, bagi memastikan kebajikan golongan asnaf terus terbela. Sebagai contoh, seramai 20 keluarga asnaf di Pekan Nenas, Pontian, dan 37 keluarga di Kampung Shaari, Simpang Renggam, Kluang telah menerima bantuan Dapur Asnaf. Inisiatif ini bukan sahaja menyediakan bekalan makanan yang sihat, tetapi juga meningkatkan kesedaran asnaf mengenai kepentingan pemakanan seimbang. Lebih daripada itu, program ini bertujuan mengubah mentaliti asnaf yang mungkin terbiasa dengan kesukaran hidup sehingga kurang berusaha untuk keluar daripada kemiskinan. Oleh itu, MAINJ turut memantau perkembangan para penerima bantuan secara berkala setiap enam bulan bagi menilai keberkesanan program ini dalam meningkatkan taraf hidup mereka.

Didapati daripada kajian ini, terdapat banyak dana zakat yang telah disediakan oleh MAINJ dan disasarkan kepada golongan asnaf yang berkelayakan bagi membantu mereka mengharungi kehidupan dengan lebih baik. Dana zakat ini diterjemahkan ke dalam pelbagai skim bantuan zakat, seperti yang disenaraikan dalam Jadual 4.

Jadual 4: Skim Bantuan Zakat Majlis Agama Islam Negeri Johor

(i)	Skim Bantuan Hari Raya
(ii)	Skim Bantuan Sara Hidup Bulanan
(iii)	Skim Bantuan Perubatan
(iv)	Skim Bantuan Berdikari
(v)	Skim Bantuan Perumahan
(vi)	Skim Dermasiswa Pelajar
(vii)	Skim Bantuan Pendaftaran IPT
(viii)	Skim Bantuan Pakaian Sekolah
(ix)	Skim Bantuan Basikal Pelajar
(x)	Skim Pembiayaan Tambang Pengajian
(xi)	Skim Bantuan Menjelaskan Hutang
(xii)	Skim Bantuan Segera (Kecemasan)
(xiii)	Skim Bantuan Cermin Mata Pelajar
(xiv)	Skim Bantuan dan Kebajikan Saudara Baru

Sumber: MAINJ (2024)


Kesemua bantuan ini disediakan oleh MAINJ untuk para asnaf yang berkelayakan. Para asnaf boleh mengakses bantuan ini secara atas talian dan juga secara fizikal dengan merujuk secara langsung ke kaunter zakat MAINJ berdekatan. Skim-skim agihan zakat yang disediakan oleh MAINJ juga selari dengan usaha pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) (Zaki Yaakob et al., 2023). Matlamat Tiada Kemiskinan (SDG-1) dan Sifar Kelaparan (SDG-2) boleh dicapai melalui skim yang disediakan oleh MAINJ, seperti skim bantuan sara hidup bulanan dan program Dapur Asnaf. Manakala dalam usaha mencapai akses perkhidmatan perubatan dan penjagaan kesihatan (SDG-3), skim bantuan perubatan yang ditawarkan oleh MAINJ adalah sangat bertepatan dengan matlamat pembangunan mampan ini.

Selain itu, skim agihan seperti dermasiswa pelajar, skim bantuan pakaian sekolah, skim bantuan basikal pelajar, skim pembiayaan tambang pengajian, skim bantuan cermin mata pelajar, dan skim bantuan pendaftaran IPT menunjukkan bahawa MAINJ menitikberatkan penguasaan pendidikan yang berkualiti (SDG-4). Melalui skim bantuan berdikari, para asnaf berpeluang mendapat pekerjaan dan membangunkan ekonomi dengan baik (SDG-8). Seterusnya, skim bantuan perumahan yang ditawarkan juga dapat menyumbang ke arah kelestarian bandar dan komuniti (SDG-11) dengan memastikan para asnaf memiliki rumah yang sesuai dan selamat untuk didiami serta mempunyai kemudahan asas yang baik.

Proses Transformasi

Daripada dapatan kajian ini, ianya dapat diterjemahkan melalui satu kerangka yang berupaya memaparkan sebuah proses transformasi bagi pendayaupayaan asnaf yang dilaksanakan oleh MAINJ melalui Unit Pembangunan Asnaf. Kerangka ini berlandaskan kepada Model IPO (iaitu Input-Proses-Output) seperti di Rajah 1 yang digunakan sebagai asas kepada penunjuk prestasi sekumpulan usahawan mahupun sebuah organisasi yang telah diadaptasi dari Salamzadeh et al. (2011).

Rajah 1: Kerangka Proses Transformasi Pendayaupayaan Asnaf Mengikut Model IPO



Sumber: Salamzadeh et al. (2011)

Berdasarkan kepada kajian ini, kerangka proses transformasi di Rajah 1 berupaya digunakan untuk meningkatkan kualiti pendayaupayaan golongan asnaf. Kerangka ini mempunyai tiga komponen utama iaitu komponen Input, Proses dan Output, serta satu komponen tambahan iaitu komponen Maklum Balas, di mana keseluruhan komponen berada dalam konteks kajian. Komponen Input merangkumi pemberian dana, latihan dan kemahiran oleh pihak MAINJ kepada golongan asnaf. Komponen Proses pula melibatkan aktiviti, program atau projek (contoh seperti di Jadual 3) yang boleh dilaksanakan oleh golongan asnaf, yang akhirnya menghasilkan dan meningkatkan pendayaupayaan golongan asnaf dalam Komponen Output. Bagi menilai sejauh mana proses transformasi ini dilaksanakan, pihak MAINJ menjalankan pemantauan berkala bagi melihat keberkesanan dan prestasi Program Pendayaupayaan Asnaf dalam Komponen Maklum Balas. Oleh yang demikian, model akhir bagi kajian ini dipanggil “Model IPOM”

Walaupun, Abd Rahman dan Ahmad (2011) menyatakan bahawa terdapat faktor-faktor lain yang juga signifikan kepada kejayaan pendayaupayaan asnaf, selain daripada sumbangan dana zakat sebagai modal dalam aktiviti khususnya perniagaan. Faktor-faktor tersebut termasuklah umur, jantina, tempoh berniaga, aspek pemantauan, ciri perniagaan, kecekapan pengurusan zakat, sikap optimis, kemahiran sosial, jaringan sosial, dan pengambil risiko. Dapatan ini diperoleh melalui kajian yang melibatkan 534 orang golongan asnaf di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Melalui dapatan temu bual, didapati bahawa Unit Pembangunan Asnaf telah menerapkan konsep “Menerima dan Diterima, sama-sama Untung” seperti yang dipaparkan dalam Jadual 5. Konsep ini selaras dengan Program Pendayaupayaan Asnaf yang dilaksanakan oleh MAINJ

Jadual 5: Konsep Menerima dan Diterima, Sama-sama Untung

Bil.	Konsep	Asnaf	Kerana
1	Menerima (Zakat)	Berhak Menerima (Islam dan fakir/miskin. Golongan yang disebut dalam Al-Quran)	
2	Diterima (Allah)	Berharap Diterima	(Amalan dan Penghayatan)
(Sama-Sama Untung)			Mendapat Keberkatan Allah

Sumber: MAINJ (2024)

Berdasarkan Jadual 5, konsep sama-sama untung bermaksud pemberi dan penerima zakat beroleh manfaat bersama dengan mendapat keberkatan Allah SWT. Pemberi zakat yakin dengan janji Allah SWT sebagaimana yang dinyatakan dalam Surah at-Taubah ayat 103, bahawa dosa mereka dibersihkan dan akhlak mereka disucikan. Mereka juga berharap agar amalan dan pengeluaran zakat diterima oleh Allah SWT serta dinilai sebagai amal kebajikan dan tanda penghayatan terhadap agama Islam (Surah at-Taubah, ayat 60, 103, 104). Manakala golongan asnaf sebagai penerima zakat ialah mereka yang berhak menerima agihan zakat, seperti yang disebut dalam Surah at-Taubah ayat 60. Mereka diberikan kelebihan dalam Islam untuk memperoleh bantuan zakat bagi mencukupkan keperluan harian dan meningkatkan pendayaupayaan mereka. Seterusnya, mereka dapat mendekatkan diri kepada Allah SWT dengan rasa syukur dan memperkukuh keimanan mengenai kebesaran Allah SWT.

KESIMPULAN

Islam meletakkan zakat pada tahap yang penting sehingga ia merupakan sebahagian asas Rukun Islam, seperti yang dinyatakan dalam Hadis Riwayat Al-Bukhari dan Muslim. Pungutan dan pemberian zakat adalah proses yang rumit dan kompleks, yang memerlukan sistem pengurusan yang teratur dan bersistematik. Di Malaysia, khususnya di negeri Johor, MAINJ memainkan peranan utama dalam pengutipan dan pengagihan zakat. Statistik kutipan zakat negeri Johor bagi tahun 2018-2023 yang dibentangkan dalam kajian ini menunjukkan peningkatan setiap tahun, membuktikan kesedaran masyarakat dan keberkesanan usaha pengutipan zakat yang dilaksanakan oleh MAINJ. Zakat diagihkan kepada lapan golongan asnaf, seperti yang dinyatakan dalam Surah at-Taubah ayat 60, dan aktiviti agihannya dipaparkan di media sosial MAINJ. Ini bertujuan untuk menunjukkan manfaat hasil zakat daripada kutipan masyarakat, terutama rakyat Johor. Langkah ini secara tidak langsung memperkukuh kepercayaan pembayar zakat terhadap MAINJ sebagai institusi yang diamanahkan untuk mengutip dan mengagihkan zakat. Malah, ia juga menjadi bukti bahawa masyarakat semakin yakin terhadap pengurusan zakat oleh MAINJ.

Selain daripada skim dan bantuan zakat yang disediakan, program pendayaupayaan asnaf yang dilaksanakan oleh MAINJ di bawah Unit Pembangunan Asnaf merupakan bukti komitmen MAINJ dalam program pembasmian kemiskinan. Usaha ini bukan sahaja tertumpu kepada keberkesanan agihan zakat, tetapi juga diperluaskan dengan memberi tumpuan kepada pembangunan sosio-ekonomi asnaf penerima bantuan. Dalam kajian ini, program pendayaupayaan asnaf telah digambarkan melalui satu proses transformasi yang dinamakan Model IPOM. Model ini berpotensi untuk dijadikan panduan dan rujukan kepada institusi pengurusan zakat dalam melaksanakan aktiviti dan program pembangunan asnaf yang memberi manfaat serta kesan positif kepada pemberi dan penerima zakat. Pendekatan ini sejajar dengan konsep “Menerima dan Diterima, Sama-sama Untung” yang diterapkan oleh MAINJ, di mana kedua-dua pihak—pemberi dan penerima zakat—memperoleh manfaat tanpa sebarang kerugian. Konsep ini juga memupuk kesedaran dalam kalangan asnaf untuk bersyukur dan memperkukuh keimanan kepada Allah SWT. Natijah kajian ini merumuskan bahawa pelbagai aspek keperluan hidup, khususnya dalam pemerkasaan ekonomi, telah berjaya dicakupi oleh MAINJ dalam usaha mendayaupayakan golongan asnaf zakat di negeri Johor.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis bersetuju bahawa kajian ini dijalankan tanpa adanya sebarang manfaat diri, konflik komersial atau kewangan dan mengisytiharkan ketiadaan kepentingan yang bertentangan dengan pembiayaan.

PENGHARGAAN

Kajian ini telah dijalankan oleh kumpulan penyelidik Universiti Tun Hussein Onn Malaysia bawah Geran Kontrak Kementerian (Grant Vot: K408) Majlis Agama Islam Negeri Johor dan terima kasih kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia di atas kerjasama menjayakan kajian ini.

SUMBANGAN PENULIS

Muhammad Suhaimi, Nur Zainatul Nadra, Mustapahayuddin menjalankan penyelidikan, menulis dan menyemak semula artikel itu. Ahmad Zaki & Muhammad Suhaimi merangka konsep idea penulisan dan menyediakan kerangka teori. Mustapahayuddin & Nur Zaiantul Nadra merancang penyelidikan dan mengawasi kemajuan penyelidikan; Ahmad Zaki & Wan Ainaa Mardhiah membuat semakan artikel.

RUJUKAN

- Abd Rahman, R., & Ahmad, S. (2011). Strategi Pembangunan Keusahawanan Asnaf Fakir dan Miskin Melalui Agihan Bantuan Modal Zakat. *Jurnal Pengurusan*, 33(2), 37-44.
- Abdul-Wahab, M., Hamid, S. A., Mohd Azmi, O., Ghazali, A., Jamil, O., & Arif, M. (1995). Malaysia (A Case Study of Zakah Management). *Institutional Framework of Zakah: Dimensions and Implications, Jeddah: IRTI/IDB*.
- Ahmad, S., Wahid, H., & Mohamad, A. (2006). Penswastaan Institusi Zakat dan Kesannya Terhadap Pembayaran Secara Formal di Malaysia. *International Journal of Management Studies (IJMS)*, 13(2), 175-196.
- Arshad, H., & Nor, A. M. (2014). Zakat: Keharmonian Masyarakat dan Kemakmuran Negara. *Prosiding Symposium of International Language & Knowledge (SiLK 2014)*, 1-16.
- Creswell, J. W. & Báez, J. C. (2021). 30 Essential Skills for The Qualitative Researcher. (2nd Ed.). Sage Publications, Inc.
- Creswell, J. W. & Guetterman, T. C. (2024). Educational Research: Planning, Conducting, And Evaluating Quantitative and Qualitative Research. (7th Ed.). Pearson.
- Ghoffar, M. A., Mu'thi, A & Al-Atsari, A. I. (2004). Terjemahan Tafsir Ibnu Kathir Jilid, 8. Jakarta: Pustaka Imam.
- Ibrahim, Abdullah. (1999). Agihan Zakat Menurut Prinsip Siasah Shariyyah, Kolokium Keberkesanan Zakat Selangor, Shah Alam.
- Ismail, I. A., & Hussain, M. N. (2017). Productive Zakat Distribution by Zakat Institutions in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(3), 554-565.
- Kadri, Z., Ahmad, S., & Noor, M. A. M. (2012). Zakat Sebagai Pemangkin Pembangunan Ekonomi: Ke Arah Negara Berpendapatan Tinggi. *Transformasi Ekonomi dan Sosial Ke Arah Negara Maju*, 1263-1273.
- Latif, M. D. A. (1998). Zakat Management and Administration in Malaysia. In *Kertas kerja dibentangkan di Seminar of zakat and Taxation di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia*.
- Majid, M.Z.A.M (2003). Pengurusan Zakat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ). (2024). Agihan Zakat. Laman Rasmi MAINJ. <http://www.MAINJ.gov.my/agihan/index.html>
- Malom, A. Z. M., Saparudin, I. F., & Ahmad, S. (2022). Peranan Pendakwah Terhadap Religiositi Mualaf di Negeri Johor: Sebuah Sorotan Awal. *Journal of Quranic Sciences and Research*, 3(1), 13-20.
- Merriam, S. B., & Tisdell, E. J. (2016). *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation*. San Francisco: John Wiley & Sons Inc.
- Patmawati, I. (2008). Pembangunan Ekonomi Melalui Agihan Zakat: Tinjauan Empirikal. *Jurnal Syariah*, 17(2), 223-244.
- Punding, A. Y., Sheikh Mohammad, S. H., & Abu Bakar, N. A. (2024). Zakat collections and distributions within Zakat institutions in Malaysia. *Journal of Emerging Economies & Islamic Research*, 12(2).
- Salamzadeh, A., Salarnzadeh, Y & Daraei, M.R. (2011). Toward a Systematic Framework for an Entrepreneurial University: A Study in Iranian Context with IPOO model. *Global Business and Management Research: An International Journal*, 3(1), 30-37.
- Silverman, D. (2022). *Doing Qualitative Research*. Sage Publications Ltd.
- Sulong, M. S., Khalim, M. A., Mustapha, M. S., Zainol, N. Z. N., Malom, A. Z. M., & Zahari, W. A. M. W. (2024). The Study on Zakat Collection Through Social Media Marketing: The Case of Johor. *Journal of Social Transformation and Regional Development*, 6(2), 1-10.
- Syarbasi, A. (1995). *Yas'alunaka Fi Al-Din Wa Al-Hayah. Jami Al-Huquq Mahfuzah li Dar Al-Jil*.
- Wahid, H., Ahmad, S. & Kader, R.A. (2009). Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat di Malaysia: Mengapa masyarakat Islam tidak berpuas hati? *Jurnal Syariah*, 17(1), 89-112.
- Yaakub, F. (2023). Kewajipan Membayar Zakat: Analisis Undang-Undang Zakat di Malaysia. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 9(1), 1-20.
- Yin, R. K. (2018). *Case Study Research and Application: Design and Methods*. Sage Publications Ltd.
- Yusoff, M. B. (2012). Zakat Distribution and Growth in the Federal Territory of Malaysia. *Journal of Economics and Behavioral Studies*, 4(8), 449-456.
- Zainol, N.Z.N., Ibrahim, P., Rahman, A. H. A., Abdullah, M. F. & Malom, A. Z. M. (2024). *Terjemahan Fiqh Zakat Dr. Yusuf Al-Qaradawi Jilid 2*. Penerbit UTHM
- Zaki Yaakob, M. A., Bhari, A., Saidin, N., Khalid, M. M., Mohamed Yusof, M. F., & Abdullah, M. Y. (2023). Analisis Pelaksanaan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) di Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf (ZAWAF), Universiti Teknologi MARA (UiTM). *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 9(1), 1-12.
- Zayas, F. G. (2003). *The Law and Institution of Zakat*. A. Z. Abbasi (terjemahan). Kuala Lumpur: The Other Press.



© 2025 by the authors. Submitted for possible open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY SA) license (<https://creativecommons.org/licenses/by-sa/4.0/>).